



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

KENYATAAN MEDIA

**WEBINAR SIRI PERPADUAN TIANG SERI NEGARA ANJURAN
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

Putrajaya, 25 Jun 2020 – YB Menteri Perpaduan Negara, **Datuk Halimah Mohamed Sadique** akan menyampaikan ucapan pembukaan di **webinar** anjuran Kementerian Perpaduan Negara bersama *Asian Law Student Association* (ALSA) Malaysia bertajuk “Kita Beraya Bersama, Kepelbagaian Diraikan” pada **26 Jun 2020 bermula pada jam 3.00 petang**.

2. Kementerian Perpaduan Negara bersama ALSA telah merancang sebanyak tiga (3) sesi webinar bertemakan “Perpaduan Tiang Seri Negara” yang akan membincangkan pelbagai isu semasa berkaitan perpaduan dalam kalangan masyarakat di Malaysia terutamanya golongan mahasiswa-mahasiswi.

3. Webinar sesi kedua ini akan membincangkan tentang semangat perpaduan dan kesejahteraan rakyat Malaysia yang diraikan melalui pelbagai perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Deepavali, Tahun Baru Cina dan lain-lain perayaan di Malaysia. Panel jemputan juga mewakili pelbagai kaum dan bidang kepakaran seperti berikut:

1. En. Rosli Dahlan – Peguam Kanan, Rosli Dahlan Saravana Partnership
2. Dr Elia Godoong – Pensyarah, Universiti Malaysia Sabah
3. En. Nik Micheal Imran – Chef Selebriti
4. En. Yogi B – Artis & Produser Muzik



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

4. Webinar siri pertama pada 15 Mei 2020 yang bertajuk “Bersama Mengharungi Cabaran COVID-19” telah menarik seramai 10,000 peserta dalam talian dan webinar yang dijadualkan esok juga dijangka menarik jumlah peserta yang sama banyak.

5. Penyertaan webinar ini adalah percuma dan orang ramai dijemput untuk bersama mendengar dan menyertai diskusi mengenai tajuk webinar pada kali ini. Pendaftaran untuk menyertai webinar boleh dilakukan melalui pautan-pautan di bawah:

- i. <https://www.facebook.com/ALSAMalaysia/>
- ii. <https://bit.ly/alsawebinarsiriperpaduan2>

Kementerian Perpaduan Negara

25 Jun 2020

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Perpaduan Negara

Tel +603 8091 8041

Fax +603 8888 8568 / 569

E-mail : pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-2/1/4 (12)